



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AKAD NIKAH ORANG ISLAM DALAM NEGERI SARAWAK BAGI TEMPOR PELAN PEMULIHAN NEGARA (PPN)

BIL 1 TAHUN 2022

Majlis Islam Sarawak memutuskan bahawa pelaksanaan akad nikah mulai Fasa 4 di bawah PPN hendaklah dilaksanakan mengikut ketetapan berikut:

1. Akad nikah pasangan yang telah mendapat kebenaran berkahwin boleh dilaksanakan di mana-mana premis seperti kediaman, dewan, hotel dan lain-lain dengan ketetapan berikut:
 - i. Telah melengkapkan dua (2) dos vaksin;
 - ii. Jumlah kehadiran maksimum keseluruhan (termasuk jurunika dan saksi) adalah **50%** kapasiti premis pada satu-satu masa;
 - iii. Mengimbas **kod QR melalui aplikasi MySejahtera** dan **menunjukkan status kesihatan** dalam aplikasi tersebut kepada petugas pendaftaran masuk premis/ penganjur majlis;
 - iv. Hanya individu yang berstatus risiko rendah sahaja dibenarkan hadir;
 - v. Menjalani pengimbasan suhu badan. Individu yg mempunyai suhu badan **tidak melebihi 37.5°C** sahaja dibenarkan hadir;
 - vi. Sentiasa memakai pelitup mulut dan hidung (*face mask*);
 - vii. Mencuci tangan menggunakan cecair pembasmi kuman (*hand sanitizer*);
 - viii. Melakukan penjarakan fizikal (*physical distancing*) sekurang-kurangnya satu (1) meter bagi setiap orang yang hadir; dan
 - ix. Tidak berjabat tangan.

2. Penganjur dan semua pihak berkenaan perlu memastikan semua garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak, Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain agensi penguatkuasaan berhubung kawalan penularan wabak penyakit dipatuhi sepenuhnya.

3. Garis Panduan ini berkuatkuasa mulai **03 Jamadilakhir 1443H bersamaan 06 Januari 2022** dan boleh dipinda dari semasa ke semasa.

MAJLIS ISLAM SARAWAK



<https://kiswa.sarawak.gov.my/>



kgjaishq@sarawak.gov.my